

**PERBEZAAN ANTARA KONSEP KENDIRI AKADEMIK
DENGAN JANTINA DAN KAUM**

NURULHUDA BINTI BAHARUDIN

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2010**

PERBEZAAN ANTARA KONSEP KENDIRI AKADEMIK DENGAN
JANTINA DAN KAUM

NURULHUDA BINTI BAHARUDIN

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN KEPADA UUM COLLEGE OF ARTS AND
SCIENCES, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA SAINS (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2010

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 16 Oktober 2010

Tandatangan : 
Nama : NURULHUDA BT BAHARUDIN
No. Matrik : 800385



Bidang Pengajian Pendidikan
UUM College of Arts and Sciences
(Universiti Utara Malaysia)

PERAKUAN PROJEK SARJANA
(Certification of Masters Project)

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

NURULHUDA BINTI BAHARUDIN (NO. MATRIK : 800385)

Calon untuk Ijazah **Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)


PERBEZAAN ANTARA KONSEP KENDIRI AKADEMIK DENGAN JANTINA
DAN KAUM.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper)

Nama Penyelia
(Name of Supervisor)

: **Dr. Arsaythamby Veloo**

Tandatangan
(Signature)

: 

Tarikh
(Date)

: **30 Oktober 2019**

KEBENARAN MENGGUNA

Penyerahan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Kolej Sastera dan Sains diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini di dalam sebarang bentuk sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya bagi tujuan kesarjanaan. Adalah tidak dibenarkan bagi sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan/komersial, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Pascasiswazah dan Penyelidikan)
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, saya panjatkan kesyukuran kepada Ilahi kerana di atas limpah kurnia dan izin Nya dapat saya siapkan tesis ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada Dr. Arsaythamby selaku penyelia projek di atas segala bimbingan dan nasihat yang diberikan sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Dr. Rosna bt Awang Hashim, Dr Ishak bin Sin, Tn.Hj. Ismail dan semua pensyarah pusat pengajian jarak jauh cawangan Kota Bahru atas nasihat dan teguran bagi memperbaiki mutu penyelidikan ini.

Turut dirakamkan berbanyak terima kasih di atas sokongan dan pengorbanan yang diberikan oleh suami tercinta, Mohd Elleyzan Syah Muhamad Jaiz dan tidak lupa juga kepada Ayahanda dan Bonda serta Ibubapa mertua, ibu saudara, nenek tersayang serta semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak. Tidak ketinggalan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi dorongan bagi menyiapkan projek ini. Sesungguhnya kejayaan ini adalah atas berkat usaha, doa dan kasih sayang kalian. Terima kasih atas segalanya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina. Penyelidik turut mengenal pasti hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Seramai 115 daripada 1056 orang pelajar tingkatan empat dipilih secara rawak daripada 5 buah sekolah menengah harian biasa di daerah Besut, Terengganu. Alat ukur Self- Description Questionnaire -II (SDQ-II) yang dibina oleh Marsh (1990) berdasarkan model hierarki Shavelson (1976) telah digunakan untuk mengukur konsep sendiri akademik pelajar antara Matematik dan Bahasa Melayu. Perbezaan min antara konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu berdasarkan jantina dan kaum telah diuji menggunakan Ujian-t sampel bebas. Hasil analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu yang lebih tinggi berbanding dengan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar lelaki. Melalui kajian ini juga didapati tidak terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik bagi pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina. Kajian mendapati konsep sendiri akademik Matematik mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan secara statistik, $r = -.03, p > .05$ dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Daripada keputusan kajian ini, disimpulkan bahawa pelajar perempuan mempunyai konsep sendiri akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki bagi konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Kedua-dua konsep sendiri ini mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan. Oleh itu, kajian ini menyokong keputusan umum yang menyatakan pelajar perempuan mempunyai konsep sendiri akademik yang lebih tinggi dalam bahasa berbanding dengan pelajar lelaki dan menolak keputusan lain yang menyatakan pelajar lelaki mempunyai konsep sendiri akademik yang lebih tinggi dalam Matematik berbanding dengan pelajar perempuan. Kajian ini juga telah menolak keputusan kajian lain yang menyatakan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu mempunyai hubungan yang positif.

DIFFERENCES BETWEEN ACADEMIC SELF-CONCEPT OF GENDER AND RACE

ABSTRACT

This study aims to compare the differences in academic self-concept of Mathematics and Malay language between boys and girls. In addition, this study aims to identify differences in academic self-concept of Mathematics and the Malay language of Malay students with Chinese students. Researchers also identified a significant relationship between academic self-concept of Mathematics with the Malay language among students in secondary schools. A total of 115 out of 1056 students from four randomly selected from five secondary schools in the ordinary course the district. Self-measurement tool-Description Questionnaire II (SDQ-II) developed by Marsh (1992) based on Shavelson hierarchical model (1976) was used to measure students' academic self-concept of Mathematics and Malay language. Differences between academic self-concept of Mathematics and the Malay language based on gender and race were tested using independent sample t-test. The result of the analysis showed that girls are higher than boys in academic self-concept of Mathematics and the Malay language. Study also found no significant difference in academic self-concept of Mathematics for Malay students with Chinese students. The study found that academic self-concept of Mathematics has a negative correlation which is not statistically significant, $r = -.03$, $p > .05$ with academic self-concept of the Malay language. From the results of this study, concluded that girls are higher than boys in Mathematics and Malay language academic self-concept. Both self-concept have a negative correlation and not significant. Therefore, this study supports the general results that state girls' academic self-concept is higher in language than boys, and other states rejected the results of male students in academic self-concept in Mathematics was higher than female students. The study also rejected the results of other studies that academic self-concept of Mathematics and the Malay language have a positive relationship.

KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT (Terjemahan)	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xii
BAB I PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Soalan Kajian	6
1.5 Hipotesis Kajian	7
1.6 KerangkaKajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Batasan Kajian	9
1.9 Definisi Operasi	10
1.9.1 Konsep Kendiri Akademik	10
1.9.2 Konsep Kendiri Akademik Matematik	11
1.9.3 Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu	11
1.9.4 Jantina	11

1.9.5	Kaum	12
1.10	Rumusan	12
BAB II	TINJAUAN LITERATUR	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Definisi Konsep Kendiri	13
2.3	Teori - teori Konsep Kendiri	15
2.4	Kajian- kajian Konsep Kendiri	17
2.5	Definisi Konsep Kendiri Akademik	20
2.6	Teori Konsep Kendiri Akademik	21
2.7	Kajiana-kajian Konsep Kendiri Akademik	22
2.8	Kajian-kajian Yang Mengaitkan Konsep Kendiri Akademik Dengan Jantina Pelajar	25
2.9	Rumusan	27
BAB III	KAEDAH KAJIAN	28
3.1	Pendahuluan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Populasi dan Persampelan	29
3.4	Alat Ukur Kajian	30
3.5	Kajian Rintis	32
3.6	Prosedur Memungut Data	33
3.7	Prosedur Menganalisis Data	34
3.7.1	Analisis Statistik Diskriptif	34
3.7.2	Analisis Statistik Inferensi	34
3.7.3	Pengkodan	35

3.8	Rumusan	36
BAB IV	KEPUTUSAN KAJIAN	37
4.1	Pendahuluan	37
4.2	Profil Responden	37
4.2.1	Jantina Responden	37
4.2.2	Kaum	37
4.3	Analisis Statistik Deskriptif Pembolehubah Kajian	38
4.3.1	Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	38
4.3.2	Bilangan Pelajar Mengikut Kaum	39
4.4	Pengujian Hipotesis Kajian	40
4.4.1	Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Jantina Pelajar	40
4.4.2	Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Jantina Pelajar	41
4.4.3	Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Kaum	42
4.4.4	Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Kaum	43
4.4.5	Hubungan Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu	44
4.5	Rumusan	45
BAB V	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	46
5.1	Pendahuluan	46
5.2	Ringkasan Kajian	46
5.2.1	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan	47
5.2.2	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara	48

	Pelajar Kaum Melayu Dengan Pelajar Kaum Cina.	
5.2.3	Hubungan Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar.Sekolah Menengah	48
5.3	Dapatan dan Perbincangan	48
5.3.1	Ciri-ciri Demografik Responden	49
5.3.2	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan	50
5.3.3	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan	51
5.3.4	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik Antara Pelajar Kaum Melayu Dengan Pelajar Kaum Cina	52
5.3.5	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Pelajar Kaum Melayu Dengan Pelajar Kaum Cina	53
5.3.6	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah	53
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	54
5.4.1	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Jantina	54
5.4.2	Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Kaum	55
5.4.3	Hubungan Yang Signifikan Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah	56
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	57
5.6	Rumusan	58

RUJUKAN	59
LAMPIRAN A : SOAL SELIDIK KAJIAN	63
LAMPIRAN B: SURAT KEBENARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	68
LAMPIRAN C: SURAT KEBENARAN JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU	70
LAMPIRAN D: OUTPUT STATISTIK KAJIAN	72

RUJUKAN

LAMPIRAN A :	SOAL SELIDIK KAJIAN	62
LAMPIRAN B:	SURAT KEBENARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	67
LAMPIRAN C:	SURAT KEBENARAN JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU	69
LAMPIRAN D:	OUTPUT STATISTIK KAJIAN	71

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Halaman
3.1	Skala Instrumen Soal Selidik Kajian Berdasarkan Aras Keamatan	36
4.1	Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	38
4.2	Bilangan Pelajar Mengikut Kaum	39
4.3	Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Jantina Pelajar	40
4.4	Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Jantina Pelajar	41
4.5	Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Kaum	42
4.6	Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Kaum	43
4.7	Analisis Korelasi Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu	44

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
1.1	Kerangka Kajian	8
2.1	Struktur Hierarki Shavelson	18
2.2	Model Konsep Kendiri Marsh dan Shavelson	24

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPNT	-	Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
SDQ-II	-	Self-Description Questionnaire - II
%	-	Peratus

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan di Malaysia amat mementingkan kecemerlangan baik dari segi akademik, kokurikulum mahupun sosial. Justeru itu, semua pihak terutamanya ibu bapa dan guru-guru amat mengharapkan para pelajar mencapai keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik. Sejak akhir-akhir ini, Malaysia menghadapi fenomena di mana wujudnya ketidakseimbangan jantina yang ketara dari segi bilangan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi.

Pelajar perempuan terus mendominasi kemasukan di universiti awam apabila menguasai 64.8 peratus atau 26,229 daripada 40,506 tempat yang ditawarkan untuk program ijazah pertama bagi sesi akademik 2010/2011. Bagi program ijazah pertama, 18,814 atau 65.7 peratus pelajar Bumiputera adalah perempuan berbanding 9,819 atau 34.3 peratus lelaki, Cina (5,909 atau 61.8 peratus perempuan dan 3,660 atau 38.2 peratus lelaki), manakala India dan lain-lain (1,506 atau 65.4 peratus perempuan dan 798 atau 34.6 peratus lelaki) (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010). Kecemerlangan pelajar perempuan sebenarnya bermula di peringkat sekolah lagi. Hasilnya, banyak jawatan profesional kini telah diduduki oleh kaum hawa.

Apakah yang telah mendorong kejayaan pelajar perempuan berbanding dengan pelajar lelaki. Adakah pelajar perempuan mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi berbanding

dengan pelajar lelaki atau di mana silapnya pelajar lelaki sehinggakan mereka ketinggalan di belakang sedangkan terdapat kajian yang menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam akademik berbanding pelajar perempuan (Woon Chia Liu, & Chee Keng John Wang, 2005).

Menurut kajian, terdapat hubungan di antara pencapaian akademik pelajar dengan konsep sendiri akademik (Byrne, Marsh, & Yeung, 1999; Valentine, DuBois, & Cooper, 2004). Konsep sendiri merupakan gambaran atau penilaian seseorang mengenai dirinya sendiri (Plucker, & Stocking, 2001). Selain itu, konsep sendiri juga boleh didefinisikan sebagai sejauh mana manusia menilai tentang diri seseorang (Baumeister, Campbell, Krueger, & Vohs, 2003). Tahap penilaian tersebut dipengaruhi oleh pengalaman terhadap persekitaran, cara seseorang berinteraksi dan sikap semulajadi mereka (Marsh, & Shavelson, 1985; Shavelson, Hubner & Stanton, 1976). Konsep sendiri terbahagi kepada pelbagai dimensi yang merangkumi tiga faktor utama iaitu akademik, sosial dan fizikal. Dalam konsep sendiri akademik, ia menggambarkan penilaian terhadap keupayaan dan kecekapan akademik seseorang individu (McCoach, & Siegle, 2002). Konsep sendiri akademik ini mengandungi dua cabang utama iaitu Verbal dan Matematik (Marsh, Byrne, & Shavelson, 1988).

1.2.1 Pernyataan Masalah

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh pelajar perempuan di Malaysia memang membanggakan semua pihak. Keputusan peperiksaan awam dari tahun 1996-1999 menunjukkan pelajar perempuan memperoleh prestasi akademik yang lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam peperiksaan awam di peringkat sekolah rendah (UPSR), menengah

rendah (PMR) dan menengah (SPM) dalam kebanyakan mata pelajaran terutamanya Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Matematik (Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki, & Jamil Ahmad, 2005). Begitu juga dengan kemasukan pelajar mengikut jantina di pusat pengajian tinggi. Statistik daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menunjukkan kemasukan pelajar perempuan bagi keseluruhan kursus di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 2007 ialah seramai 59% berbanding dengan pelajar lelaki yang hanya 41%. Ketidakseimbangan bilangan pelajar lelaki dan perempuan di institusi pengajian tinggi (IPT) akan memberi implikasi sosio-politik dan ekonomi yang serius kepada negara. Tinjauan oleh Sutherland (dalam Tinklin, Coxford, Frame, & Ducklin, 2000) menyatakan bahawa prestasi pelajar perempuan yang lebih baik berbanding pelajar lelaki adalah suatu fenomena yang menyeluruh dan berlaku di banyak negara di dunia seperti di Scotland, England, Perancis, Jerman, Jepun, Australia, dan New Zealand.

Kajian mendapati banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Di antaranya ialah faktor pelajar itu sendiri, persekitaran dan guru (Zalizan Mohd Jelas et al., 2005). Selain itu, pencapaian akademik pelajar juga turut dipengaruhi oleh konsep sendiri akademik mereka. Semakin meningkat konsep sendiri dan motivasi seseorang pelajar, maka semakin cemerlang pencapaian akademik pelajar tersebut (Marsh, Hau, & Kong, 2002; Green, Nelson, Andrew, & Marsh, 2008).

Menurut kajian Skaalvik dan Rankin (1990), mereka telah mendapati terdapat hubungan yang signifikan pencapaian Verbal dan Matematik di antara pelajar lelaki dan perempuan iaitu korelasi 0.67. Dapatan ini bertentangan dengan beberapa kajian lain yang mendapati tiada perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam konsep sendiri akademik (Marsh, 1988; Swiatek, 2005). Terdapat perbezaan yang signifikan di antara

pelajar lelaki dan perempuan bagi faktor Verbal dan perbezaan yang tidak signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan bagi faktor Matematik (Rinn, McQueen, Clark, & Rumsey, 2008). Pelajar perempuan memperoleh skor yang tinggi dalam verbal berbanding pelajar lelaki. Ini kerana pelajar perempuan mempunyai konsep sendiri yang tinggi dalam verbal berbanding dengan pelajar lelaki.

Bagi Matematik pula, pelajar perempuan mempunyai konsep sendiri yang lebih rendah berbanding dengan pelajar lelaki. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan jantina dalam skor Matematik (Skaalvik, 2006). Satu kajian yang dijalankan dari University of Wisconsin-Madison (USA) tidak menemui bukti berkaitan perbezaan jantina dengan keupayaan matematik seseorang. Analisis keputusan ujian matematik ke atas 7 juta pelajar yang berumur di antara 7 tahun hingga 17 tahun di US dan mendapati tiada perbezaan antara skor pelajar lelaki dan skor pelajar perempuan. Mereka juga mendapati terdapat perbezaan yang sangat kecil pada bilangan pelajar lelaki dan perempuan yang mendapat skor yang tinggi dan sebenarnya skor pelajar lelaki begitu pelbagai (yakni bilangan yang mendapat markah tinggi, sederhana dan rendah) (Hyde, & Mertz, 2009)

Lantaran perbezaan pendapat yang pelbagai, maka satu kajian dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan akademik konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengetahui hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan, objektif kajian ini adalah untuk :

- 1.3.1 Mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- 1.3.2 Mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan
- 1.3.3 Mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina.
- 1.3.4 Mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina.
- 1.3.5 Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah.

1.4 Soalan Kajian

Di antara soalan kajian yang telah dijalankan ialah :

- 1.4.1 Adakah terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar lelaki dengan perempuan.
- 1.4.2 Adakah terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan
- 1.4.3 Adakah terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina.
- 1.4.4 Adakah terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina
- 1.4.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian di atas, beberapa hipotesis null diuji berdasarkan aras kesignifikanan .05.

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

H₀₂ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

H₀₃ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina

H₀₄ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina


1.6 Kerangka Kajian

Setelah membaca dan merujuk kajian-kajian lepas, penyelidik dapat membina satu kerangka kajian seperti Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian merujuk kepada hubungkait antara satu pembolehubah bebas dan satu pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas terdiri daripada konsep sendiri akademik manakala pembolehubah bersandar pula berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar.

Pembolehubah Bebas

Pembolehubah Bersandar

Konsep Kendiri Akademik



Rajah 1.1 Kerangka Kajian Perbezaan Konsep Kendiri Akademik dengan Jantina Pelajar dan Kaum

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat memberi sumbangan dari segi ilmu pengetahuan dan pandangan terhadap langkah-langkah bagi meningkatkan kualiti konsep kendiri akademik para pelajar sekolah menengah bagi meningkatkan prestasi pencapaian akademik mereka. Selain itu, kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pihak sekolah dan guru-guru mata pelajaran agar mereka mempunyai idea untuk merangka strategi pengajaran masing-masing dan seterusnya membuat penambahbaikan dan peningkatan secara terancang. Kajian di antara dua jantina ini diharap dapat membantu pihak sekolah bagi memahami kelebihan dan kekurangan sikap seseorang pelajar dalam menyempurnakan tugas mereka. Guru-guru dapat mengenal pasti kelebihan dan kekurangan pelajar, seterusnya cuba untuk merancang strategi yang terbaik bagi mengoptimumkan keupayaan mereka.

Menerusi kajian ini juga, penyelidik berharap dapat membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak pengurusan sekolah bagi merangka program atau kursus yang bersesuaian bagi meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar. Semoga kajian ini dapat menarik minat penyelidik lain untuk meneruskan kajian dalam tajuk ini dengan lebih terperinci lagi demi kebaikan semua pihak pada masa akan datang.

1.8.1 Batasan Kajian

Konsep sendiri umum terdiri daripada dua komponen iaitu konsep sendiri akademik dan konsep sendiri bukan-akademik. Kajian ini hanya memfokuskan kepada konsep sendiri akademik sahaja iaitu terhadap faktor Bahasa Melayu dan Matematik pelajar dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan. Kaedah soal selidik secara kuantitatif telah digunakan untuk memperolehi data daripada pelajar.

Kajian ini menggunakan model instrumen Self- Description Questionnaire -II (SDQ-II) (Marsh, 1988) berdasarkan model hierarki yang dibina oleh Shavelson (1976) seperti dalam Rajah 1.2. Walau bagaimanapun, model instrumen SDQ-II mempunyai sedikit perbezaan dengan model hierarki Shavelson iaitu dari segi lisan (*verbal*) digantikan dengan Bahasa Melayu kerana merupakan bahasa utama rakyat Malaysia. Kajian ini dijalankan terhadap 150 orang pelajar tingkatan empat di 5 buah sekolah menengah sekitar daerah Besut, Terengganu.

Penyelidik menggunakan kaedah kaji selidik bagi mendapatkan maklumat. Terdapat kemungkinan berlakunya perbezaan kefahaman oleh pelajar terhadap soalan kaji selidik. Hal ini mungkin menjejaskan sedikit sebanyak tahap kebolehpercayaan kajian ini. Namun, beberapa langkah telah diambil bagi memastikan kebolehpercayaan kajian terjamin. Pertama, keterangan tentang instrumen dan prosedurnya telah diterangkan secara lisan dan bertulis kepada sampel pelajar. Kedua, responden juga di minta menjawab instrumen secara serentak pada masa yang telah ditetapkan di sekolah.

1.8.2 Definisi Operasi

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam perbincangan kajian ini. Di antaranya ialah:-

1.9.1 Konsep Kendiri Akademik

Konsep kendiri akademik boleh ditafsirkan sebagai keupayaan kompetensi dan komitmen pelajar dalam pencapaian akademik. Selain itu, konsep kendiri akademik melibatkan minat dan penglibatan pelajar dalam kerja-kerja sekolah yang menjadi ukuran dalam membina keyakinan dan daya usaha mereka dalam bidang akademik (Woon Chia Liu, & Chee Keng John Wang, 2005). Menurut model Shavelson, terdapat 13 perbezaan dimensi yang dikelaskan kepada dua bahagian utama iaitu konsep kendiri akademik dan konsep kendiri umum. Dalam kajian ini, penyelidik mengelaskan konsep kendiri akademik kepada dua faktor utama iaitu dari segi mata pelajaran Matematik dan juga Bahasa Melayu. Pemilihan dua faktor ini adalah berdasarkan kepada struktur hierarki model Shavelson (Shavelson et al., 1976).

Pengkaji telah mengubah faktor verbal kepada Bahasa Melayu memandangkan bahasa utama di negara ini ialah Bahasa Melayu.

1.9.2 Konsep Kendiri Akademik Matematik

Konsep kendiri akademik Matematik merujuk kepada persepsi seseorang tentang keupayaan, minat dan keseronokan dalam mempelajari Matematik dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan Matematik. Konsep kendiri akademik Matematik dikemukakan oleh Marsh (1990). Beliau mengelaskan konsep kendiri kepada konsep kendiri umum, konsep kendiri akademik dan konsep kendiri bukan akademik. Komponen utama dalam konsep kendiri akademik ialah kebolehan membaca, pencapaian Matematik dan pencapaian akademik di sekolah.

1.9.3 Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu

Konsep kendiri akademik Bahasa Melayu menjelaskan mengenai kemahiran pelajar dalam menguasai mata pelajaran ini. Konsep kendiri akademik Bahasa Melayu meliputi kemahiran membaca, mentafsir, dan menulis semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga dinilai berdasarkan minat semasa sesi pembelajaran Bahasa Melayu berlangsung.

1.9.4 Jantina

Pelajar lelaki dan perempuan dalam kajian ini merujuk kepada remaja yang berumur 16 tahun iaitu masih menuntut dalam tingkatan empat di sekolah menengah harian akademik. Kajian ini meliputi 54 orang pelajar lelaki dan 61 orang pelajar perempuan. Terdapat tiga instrumen konsep kendiri berdasarkan model Shavelson et al. (1976) iaitu SDQI, SDQII dan SDQIII. SDQI digunakan untuk pelajar sekolah rendah, SDQII

pelajar sekolah menengah dan SDQIII untuk pelajar lepasan sekolah. Oleh kerana instrumen SDQII digunakan, maka penyelidik telah memilih pelajar tingkatan 4 sebagai responden kajian.

1.9.5 Kaum

Kaum yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan suatu kelompok masyarakat daripada pelbagai latar belakang. Pelajar diambil secara rawak berdasarkan kepelbagaian etnik yang ada di sekitar daerah Besut. Kebanyakan pelajar di daerah ini terdiri daripada 4 jenis kaum iaitu Melayu, Cina, Singh dan Siam.

1.10 Rumusan

Bab 1 mengandungi pendahuluan secara umum mengenai apa yang ingin disampaikan oleh penyelidik. Seterusnya penyelidik menerangkan mengenai pernyataan masalah, objektif, soalan dan hipotesis kajian. Selain itu, terdapat juga kerangka kajian mengenai pembolehubah bebas dan bersandar. Bab ini juga mengandungi kepentingan dan batasan kajian serta definisi operasi.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan beberapa penulisan dan penyelidikan tentang konsep diri akademik yang meliputi definisi konsep diri, teori- teori konsep diri, kajian-kajian konsep diri, definisi konsep diri akademik, teori konsep diri akademik dan kajian-kajian konsep diri akademik. Selain daripada itu, bab ini juga mengandungi penulisan kajian-kajian yang mengaitkan konsep diri akademik dengan jantina pelajar dan kaum.

2.2 Definisi Konsep Diri

Perkataan konsep diri sememangnya tidak asing lagi bagi kita. Terdapat pelbagai komponen konsep diri yang merangkumi aspek fizikal, akademik, sosial dan transpersonal. Sememangnya, terdapat banyak takrifan yang boleh dinyatakan daripada pelbagai pihak. Konsep diri ditakrifkan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Konsep diri juga menunjukkan sejauh mana manusia menilai diri mereka sendiri (Baumeister, Campbell, Krueger, & Vohs, 2003; Baron & Bryne , 2000). Konsep diri dilihat sebagai pandangan umum seseorang secara komposit atau kolektif daripada diri mereka sendiri secara multidimensi dari persepsi yang khusus berdasarkan kepada pengetahuan diri dan penilaian terhadap kemampuan sendiri melalui pengalaman dan tafsiran (Bymes, 2003; Eccles, 2005). Menurut Lawrence (2000), konsep diri merupakan

kesedaran mengenai sifat-sifat mental dan psikologi seseorang individu. Selain itu, konsep sendiri merupakan struktur hierarki yang menerangkan pandangan mengenai sikap diri sendiri berkaitan akademik dan bukan akademik (Shavelson & Bolus, 1982, p.3). Dengan perkataan lain, konsep sendiri ialah pandangan seseorang secara ringkas tentang status dirinya sendiri, bagaimana seseorang memproses maklumat tentang dirinya, termasuk niat, tahap emosi, penilaian diri, kebolehan, nilai etika, peranan sosial, ciri-ciri fizikal dan lain-lain. Konsep sendiri umumnya dilihat sebagai keputusan pendidikan yang berharga.

Bracken (1992) mendefinisikan konsep sendiri berdasarkan kepada tujuh ciri iaitu organisasi, pelbagai aspek, struktur hierarki, umum, boleh dibangunkan, penilaian deskriptif dan berlainan mengikut pembahagian. Konsep sendiri dikenali juga sebagai kepuasan sendiri (Baumeister et al., 2003). Dengan erti kata lain, seseorang individu itu membina konsep kendirinya melalui mesej yang diterima menerusi cara layanan orang lain terhadap dirinya dan jangkaan seseorang individu itu terhadap seseorang individu yang lain. Schunk (2000) mendefinisikan konsep sendiri sebagai penekanan idea tentang pembelajaran kemanusiaan yang berlaku dalam persekitaran sosial. Seseorang individu dapat mempelajari pengetahuan, peraturan, kemahiran, strategi, kepercayaan dan sikap dengan memerhatikan orang lain di sekeliling. Konsep sendiri merangkumi penghormatan sendiri, penyukaan sendiri, keyakinan sendiri, penyempurnaan sendiri dan pertimbangan sendiri (Connel, 2001).

Konsep sendiri penting kerana ia adalah asas bagi membentuk diri yang baik supaya kita dapat menerima kelebihan dan kelemahan yang ada. Apabila mempunyai konsep sendiri yang positif, seseorang dapat mengawal diri daripada unsur-unsur yang tidak baik serta menunjukkan tingkah laku yang terbaik kepada generasi akan datang. Selain itu, konsep sendiri juga adalah asas peningkatkan diri bagi menghadapi cabaran hidup. Kesimpulannya,

konsep sendiri adalah penerimaan terhadap diri sendiri dan berkait rapat dengan perasaan individu pada kebolehan, perkara-perkara yang berlaku dan perkara yang akan berlaku pada diri.

2.3 Teori - teori Konsep Kendiri

Terdapat banyak teori yang membincangkan mengenai konsep sendiri. Di antaranya ialah Teori Konsep Kendiri (Freud, 1900), Teori Pembelajaran Sosial (Cooley, 1902), Teori Konsep Kendiri (Rogers, 1947) dan Teori Perbandingan Sosial (Leon, 1954). Teori konsep sendiri menerangkan bahawa pentingnya proses dalaman mental. (Freud, 1900). Teori Pembelajaran Sosial pula menyatakan bahawa konsep sendiri individu adalah berdasarkan kepada persepsi individu terhadap apa yang difikirkan oleh orang lain. Teori ini dipanggil sebagai *looking glass self* atau cermin diri. Teori ini amat popular dalam bidang sosiologi kerana ia merupakan simbolik daripada interaksi dan menerangkan berkenaan dengan imej sendiri melalui refleksi sendiri dirinya (Cooley, 1902).

Teori konsep sendiri memperkenalkan seluruh sistem yang membantu membina kepentingan diri. Diri seseorang merupakan pusat segala maklumat yang membentuk personaliti dan penyesuaian peribadi dan ia boleh diuraikan sebagai produk sosial yang terbina dari hubungan interpersonal dan perjuangan yang berterusan (Rogers, 1947). Konsep sendiri juga menyifatkan sendiri sebagai 'saya' dan menegaskan, setiap orang perlu tahu mengenai diri sendiri. Istilah 'saya' ini dapat dilihat daripada pelbagai perspektif yang merangkumi aspek-aspek seperti tubuh badan, pemikiran, pakaian, tempat tinggal, ahli keluarga, rakan-rakan dan segala perkara yang berkaitan dengan diri sendiri. Selain itu,


konsep sendiri adalah suatu pengalaman sosial dengan identiti personal yang bergantung pada perhubungan antara individu dengan orang lain. Pendek kata, konsep sendiri boleh menjadi hak peribadi serta menjadi sebahagian daripada diri dan dapat mempengaruhi diri dengan persekitaran sosial secara langsung ataupun tidak langsung (James, 1988; Bugental & Zelen, 1950; Gordon, 1968). Komponen konsep sendiri 'saya' dapat digolongkan kepada tiga kategori. Kategori pertama adalah material me iaitu berkaitan dengan kebendaan, seperti tubuh badan, keluarga, pakaian dan rumah. Kategori kedua adalah sosial me iaitu pandangan ibu bapa, rakan-rakan dan orang di sekeliling pada diri individu daripada pelbagai perspektif. Ketiga adalah spirtual me yang melibatkan trait personaliti seperti sikap, nilai, keyakinan, kepercayaan, persepsi sosial, pengalaman diri, kebolehan, kecekapan dan lain-lain (James, 1988).

Konsep sendiri setiap individu adalah berbeza dan berubah daripada semasa ke semasa. Konsep sendiri yang berubah-ubah ini sebenarnya dikenali sebagai *working self-concept*. Ia adalah satu cara berubah kepada pengalaman, pendedahan, respons dan pencapaian maklumat yang baru dan memberi kesan kepada individu dalam pelbagai aspek (Markus, & Nurius, 1986). Konsep sendiri penting kerana ia adalah asas bagi membentuk diri yang baik supaya kita dapat menerima kelebihan dan kelemahan yang ada. Dengan konsep sendiri, seseorang dapat mengawal diri daripada unsur-unsur yang tidak baik serta menunjukkan tingkah laku yang terbaik pada generasi akan datang. Selain itu, konsep sendiri juga adalah asas meningkatkan diri bagi menghadapi cabaran hidup. Kesimpulannya, konsep sendiri adalah penerimaan pada diri dan berkait rapat dengan perasaan individu pada kebolehan, perkara-perkara yang berlaku dan perkara yang akan berlaku pada dirinya.

Teori Perbandingan Sosial telah diwujudkan untuk memberi perhatian terhadap penilaian sendiri. Penilaian sendiri penting kerana ia adalah keperluan asas manusia kerana dengan adanya penilaian sendiri, seseorang dapat menilai sama ada tindakan yang dilakukan itu betul ataupun melanggar batasan (Leon, 1954).

2.4 Kajian- kajian Konsep Kendiri

Shavelson et al. (1976) telah membina model hierarki organisasi konsep kendiri berdasarkan lima instrumen iaitu *Michigan State Self-Concept of Ability Scale*, *Self-Esteem Inventory*, *How I See Myself Scale*, *Piers-Harris Children's Self-Concept Scale* dan *Self-Concept Inventory*. Beliau mencadangkan tujuh ciri penting bagi menerangkan konsep kendiri iaitu sesuatu yang tersusun, mempunyai pelbagai sudut, berstruktur hierarki, berdasarkan pengalaman, stabil, berkembang, bersikap menilai dan dapat dibezakan (Rajah 2.1). Ciri pertama ialah mempunyai pelbagai sudut yang mana setiap sudut menggambarkan setiap persepsi tertentu. Sebagai contoh, persepsi dari sudut sosial, akademik dan sebagainya. Ciri kedua pula ialah konsep kendiri terbentuk melalui struktur hierarki Berdasarkan struktur hierarki, konsep kendiri umum terbahagi kepada dua iaitu konsep kendiri akademik dan konsep kendiri bukan akademik. Konsep kendiri akademik dikategorikan mengikut mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Sains, manakala di bawah konsep kendiri bukan akademik pula terdiri daripada konsep kendiri sosial, emosi dan fizikal. Konsep kendiri sosial khusus kepada hubungan di antara rakan-rakan dan orang sekeliling manakala konsep kendiri emosi berdasarkan keadaan emosi tertentu. Konsep kendiri fizikal pula khusus kepada penampilan dan kebolehan fizikal seseorang. Ciri ketiga ialah persepsi yang wujud berdasarkan setiap pengalaman yang dilalui oleh seseorang individu tersusun



Rajah 2.1 Struktur Hierarki Shavelson (1976)

mengikut kategori tertentu memberi makna terhadap dirinya. Ciri keempat, konsep sendiri umum dianggap stabil, manakala apabila dikhusus mengikut situasi, ia semakin kurang stabil. Ciri kelima pula adalah konsep sendiri berkembang berdasarkan umur dan pengalaman yang dilalui. Keenam, seseorang individu boleh menerang dan menilai tentang dirinya di dalam situasi yang sama, manakala ciri konsep sendiri terakhir pula menyatakan bahawa satu konstruk boleh dibezakan dengan konstruk yang lain.

Terdapat banyak model yang dihasilkan oleh penyelidik berkaitan dengan konsep sendiri. Contohnya model *nomothetic*, model hierarki, model *taxonomic* dan model pelengkap. Kajian model *nomothetic* berbentuk satu dimensi dan global (Byrne, 1984;1996; Strein, 1993). Menurut model ini, tahap konsep sendiri seseorang individu dianggap sama di dalam semua aspek kehidupannya. Seseorang individu diandaikan mempunyai tanggapan yang menyeluruh dalam mempengaruhi tindakannya dalam banyak situasi. Model ini banyak diguna oleh penyelidik sebelum tahun 1980-an, namun dapatan kajiannya agak diragui. Seterusnya model *taxonomic* yang turut menggambarkan konsep sendiri dari pelbagai sudut. Namun begitu, model ini berlainan dengan model hierarki kerana setiap sudut dianggap tidak mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Model pelengkap pula menganggap konsep sendiri dala sesuatu aspek saling bertimbal balik di dalam aspek yang lain. Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang rendah dalam Matematik akan mempunyai konsep sendiri yang tinggi dalam sukan. Model ini dikatakan agak lemah kerana tidak mendapat sokongan empirikal (Strein, 1993).

2.5 Definisi Konsep Kendiri Akademik

Konsep kendiri akademik dapat ditafsirkan sebagai pandangan pelajar terhadap kecekapan akademik yang meliputi penglibatan dan minat mereka terhadap kerja-kerja sekolah (Woon Chia Liu, & Chee Keng John Wang, 2005). Konsep kendiri akademik berkaitan dengan pandangan individu terhadap pencapaian akademik. Pelajar mempunyai pandangan yang tepat tentang diri mereka sendiri, sesuai dengan bakat, skor ujian kecerdasan dan prestasi akademik. Namun begitu, kadang-kadang pandangan pelajar bertentangan dengan penilaian yang dibuat dalam prestasi akademik. Konsep kendiri akademik mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna, konsep kendiri akademik yang tinggi juga mempunyai pencapaian yang tinggi (Marsh, Hau, & Kong, 2002). Konsep kendiri akademik juga didefinisikan sebagai *“a relatively stable set of attitudes and feelings reflecting self – evaluation of one’s ability to successfully perform basic school – related tasks such as reading, writing, spelling, and Maths. Academic self concept is seen as a factor related to, yet distinct from, general self – concept or self esteem”* (Boersma, & Chapman, 1992).

Konsep kendiri akademik boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu konsep kendiri akademik umum dan khusus. Konsep kendiri umum iaitu sejauh mana kecemerlangan pencapaian secara keseluruhan dan konsep kendiri khusus pula adalah berkaitan dengan sejauh mana kecemerlangan pencapaian akademik dalam Matematik, Sains, bahasa, seni, sains sosial dan sebagainya (Shavelson, 1976). Konsep kendiri akademik berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran di sekolah. Pencapaian akademik diukur berdasarkan pencapaian pelajar (Barber, & Olsen, 2004; Osterman, 2000). Pencapaian akademik juga dinilai berdasarkan kompetensi akademik dan konsep kendiri semasa remaja (Shapka, & Keating, 2005).

Kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan antara penampilan dan persepsi pelajar sekolah dengan kompetensi akademik dan konsep diri (Gest, Rulison, Davidson, & Wales, 2008; Marsh & Koller, 2004; Marsh, Koller, Trautwein, Ludtke, & Baumert, 2005). Pelajar di sekolah mempunyai tahap kompetensi yang berbeza-beza antara satu sama lain mengikut kebolehan (Eccles, & Midgley, 1992). Tahap kompetensi pelajar adalah berdasarkan kepada persekitaran sekolah, sikap guru, amalan pembelajaran dan faktor-faktor persekitaran yang lain. Selain itu, pencapaian konsep diri akademik juga turut dipengaruhi oleh tujuan pelajar ke sekolah. Konsep diri akademik akan hambar apabila pelajar lebih mementingkan matlamat pencapaian akademik semata-mata berbanding dengan pembelajaran secara masteri (Anderman, & Midgley, 1997).

2.6 Teori Konsep Diri Akademik

Secara umumnya, teori konsep diri boleh juga dikenali sebagai teori penilaian diri. Menurut teori ini, seseorang yang positif terhadap dirinya dianggap sihat. Konsep diri akademik ditakrifkan sebagai persepsi individu tentang keupayaan diri dalam mata pelajaran akademik (Bong, & Skaalvik, 2003). Model Konsep Diri Shavelson diperkenalkan bagi memudahkan untuk memahami teori ini. Menurut model ini, konsep diri umumnya terbahagi kepada dua iaitu konsep diri akademik dan konsep diri bukan akademik. konsep diri akademik bermaksud persepsi diri seseorang individu secara keseluruhannya terhadap bidang akademik (Shavelson, Hubner, & Stanton, 1976).

Selain daripada model Shavelson (1976), konsep diri akademik juga berhubung kait dengan Teori Harga Diri. Menurut teori ini, oleh kerana sebahagian besar masa pelajar

dihabiskan di sekolah, maka kaedah berkesan untuk membangunkan dan mempertahankan harga diri adalah dengan mengembangkan dan mempertahankan konsep sendiri akademik. Teori Harga Diri menunjukkan bahawa semua individu mempunyai "kecenderungan untuk membina dan mengekalkan harga diri yang positif, atau rasa harga diri" motivasi (Eccles, & Wigfield, 2002). Teori Pembelajaran pula telah diperkenalkan oleh Rogers (1902). Di antara ciri-ciri teori ini adalah pengalaman individu adalah fenomena sebenar yang dialami individu itu sendiri. Selain itu, setiap individu mempunyai kecenderungan dan hasrat sendiri untuk mencapai kesempurnaan sendiri. Tingkah laku yang ditunjukkan adalah selaras dengan konsep sendiri dan keupayaannya. Prinsip pendekatan teori ini mengutamakan pembelajaran berpusatkan pelajar dan diberi kebebasan.

2.7 Kajian-kajian Konsep Kendiri Akademik

Konsep kendiri akademik telah menarik minat ramai penyelidik untuk membuat kajian mengenainya. Sehingga kini, kajian mengenainya masih lagi dijalankan. Sebelum ini, konsep kendiri dilihat dari satu dimensi sahaja, tetapi Shavelson et al. (1976) telah mengemukakan model hierarki konsep kendiri daripada pelbagai sudut. Model Shavelson terdiri daripada konsep kendiri secara umum yang terbahagi kepada dua iaitu konsep kendiri akademik dan bukan akademik. Konsep kendiri akademik yang dikategorikan mengikut mata pelajaran iaitu Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Sains.


Berdasarkan Model Shavelson et al. (1976), Marsh, Relich dan Smith (1983) telah menghasilkan satu kajian *Self-Description Questionnaire* (SDQ) untuk menguji tujuh sudut dalam model tersebut. Item di dalam SDQ dibentuk bagi menggambarkan tiga komponen

konsep sendiri akademik iaitu bacaan, matematik dan semua mata pelajaran di sekolah serta empat komponen konsep sendiri bukan akademik iaitu kebolehan fizikal, penampilan fizikal, hubungan dengan rakan dan hubungan dengan ibu bapa.

Walau bagaimanapun dapatan Marsh (1986) didapati mempunyai perbezaan dengan dapatan Shavelson et al. (1976) apabila beliau didapati korelasi konsep sendiri Matematik dan bacaan menghampiri sifar. Ini membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian Matematik dan Verbal. Pelajar yang mempunyai pencapaian Matematik yang tinggi tidak semestinya mendapat markah yang tinggi juga dalam Verbal. Untuk menerangkan fenomena tersebut, Marsh (1986) telah mengemukakan Model Kerangka Rujukan Dalaman dan Luaran atau dikenali juga sebagai Model I/E.

Model I/E menerangkan faktor penyebab kepada wujudnya korelasi yang sangat lemah antara konsep sendiri akademik dengan konsep sendiri bahasa atau bacaan. Pelajar membentuk konsep sendiri akademik melalui perbandingan luaran dan dalaman. Bagi perbandingan luaran, pelajar membandingkan tanggapan sendiri bagi kebolehan diri sendiri dalam sesuatu mata pelajaran dengan rakan-rakan. Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi bagi Matematik dan Bahasa Melayu berbanding dengan rakan sekelas akan mencapai markah yang tinggi dalam mata pelajaran tersebut. Bagi perbandingan dalaman pula, pelajar membandingkan kebolehan diri sendiri dalam satu mata pelajaran dengan mata pelajaran yang lain. Contohnya pelajar mempunyai konsep sendiri Matematik yang tinggi berbanding dengan konsep sendiri Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, interaksi antara perbandingan luaran dan dalaman menyebabkan korelasi antara konsep sendiri Matematik dan bahasa menghampiri sifar.

Berdasarkan dapatan kajian Model I/E tersebut, Marsh dan Shavelson (1985) telah mengubahsuai model menjadi Model Marsh dan Shavelson (Rajah 2.1). Melalui model ini, komponen konsep diri dibahagi kepada tiga iaitu konsep diri Matematik, konsep diri bahasa dan konsep diri bukan akademik.



Rajah 2.2 Model Konsep Kendiri Marsh dan Shavelson

Secara hierarkinya, konsep diri umum menduduki peringkat tertinggi diikuti oleh konsep diri akademik, yang kemudian boleh dipecahkan kepada pelbagai mata pelajaran khusus dan pada peringkat terendah adalah pencapaian akademik dalam bidang yang berbeza. Selain daripada Shavelson, terdapat ramai lagi penyelidik yang membuat kajian mengenai konsep diri akademik ini. Dalam konteks psikologi, konsep diri akademik adalah penting kerana ia dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Cokley, 2007). Pendapat ini disokong oleh Bear, Minke, dan Manning (2002). Kajian lain juga turut

menyatakan terdapat hubungan signifikan di antara konsep sendiri akademik Matematik dengan pencapaian Matematik pelajar (Ulrich Trautwein & Oliver Ludtke, 2006). Selain itu, turut menyokong ialah kajian daripada Thierry Devos dan Jose A. Cruz Torres (2007). Berdasarkan teori perkembangan psikologi, apabila semakin meningkat umur seseorang, konsep sendiri akademik mereka semakin stabil dan boleh dipercayai (Guay, Marsh & Boivin, 2003). Walaupun terdapat banyak teori yang berkaitan dengan konsep sendiri, penyelidik lebih berminat untuk menggunakan model konsep sendiri Marsh (1990) kerana ia disokong oleh banyak kajian empirik (Byrne, & Gavin, 1996; Marsh, 1989; Marsh, Barnes, Cairns & Tidman, 1984; Skaalvik & Rankin, 1990).

2.8 Kajian-kajian Yang Mengaitkan Konsep Kendiri Akademik Dengan Jantina Pelajar

Terdapat beberapa pandangan yang mengaitkan hubungan antara konsep sendiri akademik dengan jantina pelajar. Ada pendapat menyatakan bahawa pencapaian Matematik dan Verbal pelajar lelaki dan perempuan adalah sama, manakala ada pula pendapat menyatakan bahawa pencapaian pelajar lelaki dan perempuan bagi kedua-dua mata pelajaran berbeza. Kajian telah mendapati pencapaian akademik pelajar mempunyai hubungkait dengan pelajar perempuan, tetapi tidak dengan pelajar lelaki (Colangelo, Kelly & Schrepfer, 1987). Pelajar lelaki juga dikatakan lebih berminat belajar Matematik manakala pelajar perempuan pula lebih meminati Bahasa (Watt, 2004; Dai, & Yun, 2001). Selain itu, terdapat juga kajian yang menyatakan pelajar perempuan mempunyai tahap yang lebih rendah dalam konsep sendiri akademik Matematik berbanding pelajar lelaki, namun mempunyai konsep sendiri akademik yang lebih tinggi dalam Verbal.

Kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam konsep sendiri Matematik (Drysdale, & Sarah, 2004). Kaum lelaki lebih cenderung mempunyai tahap harga diri dan rasa percaya diri berbanding dengan kaum perempuan. Maka tidak hairanlah kenapa pelajar lelaki mempunyai konsep sendiri yang tinggi dalam Matematik manakala pelajar perempuan mempunyai konsep sendiri yang tinggi dalam verbal. Kajian juga mendapati pelajar lelaki mempunyai markah yang tinggi berbanding dengan pelajar perempuan dalam konsep sendiri akademik. Faktor ini disebabkan oleh pelajar lelaki yakin mereka mampu berjaya dalam semua bidang yang mempunyai peluang terutama dalam aliran vokasional (Kelly, & Jordan, 1990). Pelajar lelaki juga cenderung untuk melaporkan tahap yang lebih tinggi dari harga diri dan rasa percaya diri daripada wanita.

Selain itu, kajian Swiatek's (2005) terhadap 2,283 pelajar tahun 6 mendapati tiada perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam konsep sendiri akademik. Pelajar perempuan pada masa kini telah diberi peluang dan pendedahan yang sama dengan pelajar lelaki. Maka, tidak hairanlah terdapat ramai professor dan pakar-pakar Matematik dari kalangan perempuan (Jacobs, Lanaz, Osgood, Eccles, & Wigfield, 2002; Hyde, & Mertz, 2009). Namun begitu ada kajian menyatakan bahawa pelajar perempuan memperoleh pencapaian Matematik yang sama dengan pelajar lelaki, tetapi hakikatnya pelajar perempuan kurang berminat dalam Matematik berbanding pelajar lelaki. Faktor ini terjadi disebabkan pelajar perempuan hanya belajar Matematik semata-mata untuk mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam peperiksaan, bukannya daripada minat yang terhasil daripada diri sendiri (Linver, Kean, & Eccles, 2004). Pencapaian yang cemerlang dalam akademik menjadi matlamat utama pelajar-pelajar perempuan kerana mereka saling bersaing untuk merebut tempat di institusi pengajian tinggi dalam bidang yang diingini.

2.9 Rumusan

Bab ini menghuraikan mengenai definisi konsep sendiri daripada pelbagai pihak yang cuba merungkaikan maksud sebenar konsep sendiri, konsep sendiri akademik, teori-- teori konsep sendiri, kajian-kajian konsep sendiri, teori konsep sendiri akademik dan kajian-kajian konsep sendiri akademik. Selain daripada itu, bab ini juga turut mencatatkan kajian-kajian yang mengaitkan konsep sendiri akademik dengan jantina pelajar dan kaum.

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Metodologi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian sebagai satu langkah untuk mendapat hasil kajian yang baik dan boleh dipercayai. Kaedah kajian dapat menjamin kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan pembolehubah yang hendak dikaji serta hipotesis-hipotesis yang digunakan di dalam kajian. Metodologi kajian memberi panduan dalam pelaksanaan serta cara pelaksanaan kajian (Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan, 2007). Bab ini menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik untuk menyempurnakan kajian ini. Aspek yang dibincangkan termasuklah reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, alat ukur kajian, kajian rintis, prosedur memungut data kajian prosedur menganalisis data dan rumusan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian berfungsi untuk mendapatkan data dan perancangan agar dapat memenuhi kehendak objektif kajian (Mohamad Najib, 1999). Suatu reka bentuk kajian yang baik akan membolehkan kita memperihalkan suatu inferens yang sah dari data yang diperoleh secara generalisasi, pergabungan dan bersahaja (Liaw Shu Hui & Goh Kim Leng, 2002).

Terdapat pelbagai reka bentuk kajian yang boleh dijalankan. Di antaranya ialah secara pensejarahan, perkembangan, tinjauan, kajian kes, korelasi, eksperimental, temubual, konstruk sendiri, eks-pos-fakto dan sebagainya.

Bagi kajian ini, penyelidik telah memilih penyelidikan secara kuantitatif iaitu melalui kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu kajian yang menerangkan sesuatu fenomena atau bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku (Majid, 1990). Pendekatan kuantitatif mampu mengukur reaksi dan tindak balas responden terhadap soal selidik yang terhad dan dapat menganalisis masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat. Ini kerana data kuantitatif adalah sistematik, piawai, mudah dianalisis dan dikemukakan dalam masa yang singkat (Patton, 1990).

Penggunaan soal selidik memudahkan responden memberi kerjasama dan dapat menjawab soalan skala kadar menggunakan kaedah Likert untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan. Tambahan pula, kaedah ini dapat mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi pengumpulan data terhadap aspek yang dikaji. Soal selidik ini dikemukakan kepada responden yang terdiri daripada 150 orang pelajar daripada 5 buah sekolah menengah di daerah Besut, Terengganu.

3.3 Populasi dan Persampelan

Sampel kajian terdiri daripada 150 orang pelajar yang diambil daripada 5 buah sekolah di daerah Besut. Penyelidik memilih bilangan pelajar seramai 150 orang berdasarkan kepada

jadual Krejcie dan Morgan (1970). Sampel secara rawak berstrata telah digunakan di mana populasi kajian dibahagikan kepada beberapa strata atau kumpulan kecil. Responden yang dipilih ialah 30 orang pelajar tingkatan empat bagi setiap sekolah. Soal selidik diagih secara sama rata di antara kelas cemerlang, sederhana dan lemah bagi memastikan maklumat diperoleh secara adil. Kaedah ini dipilih bertujuan bagi memastikan bahawa sub-kumpulan di dalam populasi terpilih akan diwakili mengikut kadar yang sama seperti populasi terpilih di dalam sampel. Ini penting untuk mendapatkan kesimpulan yang sah berdasarkan analisis data.

3.4 Alat Ukur Kajian

Bagi mengukur konsep sendiri akademik, alat ukur Self- Description Questionnaire -II (SDQ-II) yang dibina oleh Marsh (1990) berdasarkan model hierarki Shavelson (1976) telah digunakan. Selain daripada SDQ-II, terdapat juga alat ukur SDQ-I (Marsh, 1988) dan SDQ-III. SDQ-I dibina untuk mengukur konsep sendiri bagi peringkat permulaan kanak-kanak iaitu pelajar sekolah rendah. Alat ukur SDQ-II pula sesuai digunakan terhadap remaja iaitu di kalangan pelajar sekolah menengah manakala SDQ-III digunakan terhadap pelajar kolej atau akhir remaja. Penyelidik telah memilih alat ukur SDQ-II kerana responden kajian merupakan pelajar remaja yang berumur 16 tahun. Alat ukur SDQ-II asal mengandungi 102 item yang terdiri daripada sub-skala konsep diri akademik, konsep diri dan konsep diri bukan-akademik dan konsep sendiri keseluruhan.

a) Skala konsep sendiri akademik terdiri daripada faktor berikut:-

F1 : Konsep sendiri Matematik dan mata pelajaran lain (dimensi kognitif)

F6 : Konsep sendiri Matematik dan mata pelajaran lain (dimensi emosional)

F3 : Konsep sendiri membaca

F4 : Konsep sendiri hubungan dengan ibu bapa

b) Skala konsep sendiri bukan akademik terdiri daripada faktor berikut:-

F2 : Konsep sendiri penampilan fizikal

F5 : Konsep sendiri keupayaan fizikal dan sukan

F7 : Konsep sendiri hubungan dengan rakan sekelas

c) Skala konsep sendiri keseluruhan terdiri daripada faktor berikut:-

Jumlah keseluruhan faktor konsep sendiri akademik dan konsep sendiri bukan akademik.

Oleh kerana penyelidik hanya menumpukan kepada konsep sendiri akademik sahaja, maka hanya sebanyak 20 item sahaja dikaji yang meliputi dua faktor iaitu konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. SDQ-II merupakan alat ukur yang mempunyai tahap kesahan yang tinggi untuk mengukur konsep sendiri remaja yang banyak disokong secara empirikal (Byrne, 1996). Sepanjang 10 tahun kebelakangan ini, alat ukur SDQ-II telah digunakan secara meluas oleh penyelidik-penyelidik.

Instrumen yang digunakan adalah yang telah diterjemah dan diadaptasikan mengikut keperluan dan objektif kajian. Kaedah *back translation* digunakan untuk mengesahkan terjemahan berkaitan. Empat orang guru pakar, iaitu dua orang guru pakar Bahasa Melayu dan dua orang guru pakar Bahasa Inggeris telah mengesahkan terjemahan berkenaan.

3.5 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan. Tujuan kajian ini dijalankan ialah bagi mengukur kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan Alpha Cronbach. Menurut Gonzalez-Pienda, Nunez, Gonzalez-Pumariega, Alvarez, Roces, Garcia, Gonzalez, Cabanach, Valle (2000), kebolehpercayaan yang mencukupi dan kesahan instrumen pengukuran akan menghasilkan konstruk yang sah dan ramalan pencapaian akademik yang sah. Di samping itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti sama ada jangkamasa yang ditetapkan untuk mengambil ujian dan kaedah tadbiran instrumen sesuai ataupun tidak. Melalui kajian ini, penyelidik boleh menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan, seperti pernyataan soalan atau bahasa yang digunakan.

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis sebanyak tiga kali di mana kajian rintis kali pertama yang melibatkan 36 responden memperolehi nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha .097 dan korelasi item yang lemah bagi konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Oleh itu untuk meningkatkan kebolehpercayaan instrumen, beberapa item telah dipinda dan diganti dengan yang lain. Setelah mengkaji semula instrumen, dan berbincang dengan beberapa orang guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, penyelidik telah memperbaiki terjemahan item dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu.

Satu lagi kajian rintis kedua telah dijalankan. Namun begitu, nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha konsep sendiri akademik Bahasa Melayu masih kurang memuaskan iaitu -.315 dan nilai korelasi item yang amat rendah. Beberapa item telah dikodkan semula iaitu B4, B5, B6, B7, B9 dan B10. Begitu juga dengan nilai Cronbach' Alpha konsep sendiri akademik Matematik, apabila didapati keputusannya adalah negatif iaitu -.066. Penyelidik telah

mengkodkan semula instrumen M4, M6, M8 dan M10. Penyelidik juga telah mengambil inisiatif untuk menyoal sendiri responden mengenai masalah yang dihadapi semasa menjawab soal selidik. Hasilnya, terdapat perubahan daripada enam kepada empat skala sahaja dan ayat singkatan juga telah dipermudahkan supaya responden menjadi lebih faham.

Kajian rintis kali ketiga melibatkan 44 orang pelajar yang terdiri daripada 20 orang pelajar lelaki dan 24 orang pelajar perempuan. Penyelidik berjaya mendapat nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha .822 dan nilai korelasi item yang baik bagi konsep sendiri akademik Matematik manakala konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pula memperoleh nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha .774.

3.6 Prosedur Memungut Data

Sebelum data dikutip, satu kebenaran dipohon terlebih dahulu daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD). Selepas mendapat kebenaran EPRD, penyelidik memohon kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT) untuk mendapatkan maklumat daripada sekolah yang berkenaan. Setelah kebenaran diperolehi daripada JPNT, penyelidik menghubungi sekolah untuk mengedar instrumen kajian. Penyelidik memutuskan untuk menghantar sendiri instrumen kepada responden kerana ia lebih mudah ditadbir.

3.7 Prosedur Menganalisis Data

Analisis statistik merupakan tatacara, teknik dan kaedah yang digunakan untuk tujuan memahami data dan maklumat, membuat penelitian, meringkas dan membuat analisis bagi memperihalkan berbagai ragam data. Analisis statistik terbahagi kepada dua jenis iaitu Statistik deskriptif dan statistik inferensi (Zainudin Awang, 2010)

3.7.1 Analisis Statistik Diskriptif

Data yang diperolehi daripada pelajar dianalisis menggunakan statistik diskriptif. Analisis statistik diskriptif bermaksud transformasi daripada data mentah kepada suatu bentuk yang mudah difahami dan diinterpretasi. Analisis statistik diskriptif dijalankan untuk menerangkan taburan peratusan pelajar mengikut ciri-ciri demografi pelajar seperti jantina, bangsa, kawasan tempat asal, tahap pendidikan ibu bapa dan pencapaian akademik mereka. Analisis statistik diskriptif menggunakan kaedah berangka dan grafik untuk menentukan corak set data, meringkaskan maklumat daripada set data dan mempersembahkan maklumat yang dikumpul daripada sampel kepada bentuk yang menarik. Bagi kajian ini, jantina dan kaum responden dipersembahkan dalam bentuk frekuensi dan peratusan.

3.7.2 Analisis Statistik Inferensi

Statistik inferensi pula digunakan bagi menjawab objektif kajian bahagian A dan bahagian B. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan perisian komputer '*Statistical Package For Social Science*' (SPSS) versi 12 untuk melihat indeks kebolehpercayaan instrumen. Penyelidik telah menggunakan ujian-t sampel bebas bagi membandingkan

perbezaan dua nilai min bagi pembolehubah yang cerapannya diperolehi daripada dua sampel yang berlainan. Dengan menggunakan ujian ini, min perbezaan antara konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu bagi pelajar lelaki dengan pelajar perempuan diperolehi. Kajian ini juga turut menguji perbezaan min antara konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina.

Analisis inferensi juga digunakan bagi mencari hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Penyelidik telah menggunakan ujian korelasi bagi mendapatkan keputusan yang dikehendaki.

3.7.3 Pengkodan

Penyelidik juga telah menggunakan sistem pengkodan atau "*coding system*". Pengkodan data perlu dilakukan untuk membolehkan data-data berkenaan diproses dan dianalisis oleh perisian komputer (Majid Koting, 2000). Sebelum membuat analisis, data pada instrumen dikodkan terlebih dahulu. Contohnya bagi jantina, lelaki dikodkan sebagai 1 dan perempuan pula 2. Bagi kaum pula, Melayu dikodkan sebagai 1 manakala Cina pula dikodkan sebagai 2. Selain itu, Jadual 3.1 menunjukkan instrumen yang menggunakan Skala Likert berdasarkan aras keamatan. Nombor 1 hingga 4 digunakan bagi mewakili aras keamatan jawapan.

Jadual 3.1

Skala Instrumen Soal Selidik Kajian Berdasarkan Aras Keamatan

Aras Keamatan	Singkatan	Skala
Sangat tidak benar	STB	1
Tidak benar	TB	2
Benar	B	3
Sangat benar	SB	4

Skala 1 mewakili aras keamatan sangat tidak benar. Skala 2 pula mewakili tidak benar dan diikuti oleh skala 3 mewakili aras keamatan benar. Skala yang terakhir adalah 4 yang mewakili sangat benar.

3.8 Rumusan

Dalam bab 3 ini, penyelidik menerangkan metodologi serta reka bentuk kajian yang dijalankan untuk memperolehi data yang diperlukan di dalam kajian ini. Selain itu, terdapat juga penerangan mengenai populasi dan persampelan, alat ukur kajian, kajian rintis, prosedur memungut dan menganalisis data. Justeru, adalah diharapkan kajian ini dapat memberikan gambaran dan maklumat kepada kajian-kajian selanjutnya yang berkaitan dengan konsep sendiri akademik ini.

BAB IV

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan. Dapatan kajian ini dilaporkan bermula dengan profil responden, analisis statistik deskriptif pembolehubah kajian, pengujian hipotesis dan rumusan

4.2 Profil Responden

Bahagian A borang kaji selidik adalah merujuk kepada latar belakang responden iaitu dari segi jantina pelajar dan kaum. Seramai 115 orang pelajar tingkatan 4 di 5 buah sekolah menengah harian biasa dalam daerah Besut telah dipilih.

4.2.1 Jantina Responden

Jantina yang dimaksudkan adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Perbezaan jantina menimbulkan banyak perbezaan dari segi tingkah laku, sikap, kaedah pembelajaran, emosi dan sebagainya.

4.2.2 Kaum

Berdasarkan data daripada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), pelajar di 5 buah sekolah yang dipilih terdiri daripada 4 kaum iaitu Melayu, Cina, Siam dan Singh. Kaum

Melayu merupakan kaum majoriti.diikuti oleh kaum Cina, Siam dan Singh. Walau bagaimanapun, responden kajian terdiri daripada kaum Melayu dan Cina sahaja.

4.3 Analisis Statistik Deskriptif Pembolehubah Kajian

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mengolah data melalui alat ukur. Data yang diolah kemudiannya dipaparkan dalam bentuk angka-angka bagi memudahkan untuk difahami. Dengan demikian hasil olahan data dengan statistik ini hanya pada tahap deskripsi, belum sampai pada tahap generalisasi. Dengan kata lain, statistik deskriptif adalah statistik yang mempunyai tugas mengorganisasi dan menganalisa data angka, agar dapat memberikan gambaran secara teratur, ringkas dan jelas, mengenai suatu gejala, peristiwa atau keadaan bagi memberi maksud tertentu. Statistik deskriptif dibentangkan bagi menerangkan latar belakang dan persepsi responden dalam bentuk frekuensi, peratusan dan min.

4.3.1 Bilangan Pelajar Mengikut Jantina

Jadual 4.1

Bilangan Pelajar Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus, %
Lelaki	54	46.96
Perempuan	61	53.04
Jumlah	115	100.00

Jadual 4.1 menunjukkan bilangan pelajar mengikut jantina secara keseluruhan. Seramai 54 orang responden atau 46.96% adalah pelajar lelaki dan 61 orang responden

atau 53.04% adalah merupakan pelajar perempuan. Keadaan ini menunjukkan bahawa bilangan responden pelajar perempuan melebihi bilangan responden pelajar lelaki sebanyak 7 orang atau 6.08%. Ini menunjukkan hanya terdapat perbezaan yang kecil antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

4.3.2 Bilangan Pelajar Mengikut Kaum

Jadual 4.2

Bilangan Pelajar Mengikut Kaum

Kaum	Bilangan	Peratus
Melayu	89	77.39
Cina	26	22.6
Jumlah	115	100

Jadual 4.2 menunjukkan bilangan pelajar Melayu dan Cina yang diambil sebagai responden dalam kajian ini. Bilangan pelajar Melayu adalah seramai 89 orang atau 77.39% manakala jumlah pelajar Cina adalah seramai 26 orang atau 22.6%. Perbezaan jumlah bilangan pelajar Melayu dengan pelajar Cina adalah seramai 63 orang atau 54.79%.

4.4 Pengujian Hipotesis Kajian

Analisis statistik inferensi digunakan bagi menganalisis sampel. Hasil analisis inferensi dapat digeneralisasikan ke dalam wilayah populasi. Kajian ini menggunakan Ujian-t sampel bebas dan ujian korelasi untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Ujian –t sampel bebas digunakan bagi mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Ujian-t sampel bebas juga digunakan bagi mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina. Ujian korelasi digunakan bagi mengenal pasti hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar.sekolah menengah.

4.4.1 Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Jantina Pelajar

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

Jadual 4.3

Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Jantina Pelajar

Jantina	N	Pekali Kesukaran	Sisihan Piawai	t	p
Lelaki	54	2.65	0.65	-3.00	.003
Perempuan	61	2.99	0.56		
P<.05					

Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas, Ujian Levene didapati signifikan. Keputusan ujian ini adalah tidak memenuhi andaian kehomogenan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam konsep sendiri akademik Matematik. Dapatan Ujian-t menunjukkan adalah signifikan secara statistik ($t(113) = -3.00, p < .05$). Dapatan kajian ini berjaya menolak Hipotesis null, dan menerima Hipotesis alternatif. Ini menunjukkan konsep sendiri akademik Matematik berbeza antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Min (2.99) konsep sendiri akademik Matematik pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada min (2.65) konsep sendiri akademik Matematik pelajar lelaki. Kesimpulannya, konsep sendiri akademik Matematik pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan konsep sendiri akademik Matematik pelajar lelaki.

4.4.2 Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Jantina Pelajar

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

Jadual 4.4

Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Jantina Pelajar

Jantina	N	Pekali Kesukaran	Sisihan Piawai	t	p
Lelaki	54	2.65	0.65	-3.00	.003
Perempuan	61	2.99	0.56		

$P < .05$

Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas, Ujian Levene didapati signifikan. Keputusan ujian ini adalah tidak memenuhi andaian kehomogenan antara pelajar lelaki dan pelajar

perempuan dalam konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Dapatan Ujian-t menunjukkan adalah signifikan secara statistik ($t(113) = -2.50, p < .05$). Dapatan kajian ini berjaya menolak Hipotesis null, dan menerima Hipotesis alternatif. Ini menunjukkan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu berbeza antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Min (2.43) konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada min (2.34) konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar lelaki. Kesimpulannya, konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar lelaki.

4.4.3 Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Kaum

H₀₃ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina

Jadual 4.5

Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Kaum

Kaum	N	Pekali Kesukaran	Sisihan Piawai	t	p
Melayu	89	2.78	0.65	-1.37	.175
Cina	26	2.97	0.53		

$p > .05$

Berdasarkan Ujian -t Sampel Bebas, Ujian Levene didapati tidak signifikan. Keputusan ujian ini memenuhi andaian kehomogenan varians antara konsep sendiri akademik Matematik kaum Melayu dan konsep sendiri akademik Matematik kaum Cina. Dapatan ujian -t adalah tidak signifikan. Dapatan ujian menerima Hipotesis nul

(H_0). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik kaum Melayu dan konsep sendiri akademik Matematik kaum Cina

4.4.4 Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Kaum

H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina

Jadual 4.6

Keputusan Ujian-t Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Dengan Kaum

Kaum	N	Pekali Kesukaran	Sisihan Piawai	t	p
Melayu	89	2.41	0.18	2.63	.010
Cina	26	2.30	0.21		

$P < .05$

Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas, Ujian Levene didapati signifikan. Keputusan ujian ini adalah tidak memenuhi andaian kehomogenan antara konsep sendiri akademik Bahasa Melayu kaum Melayu dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu kaum Cina. Dapatan Ujian-t menunjukkan adalah signifikan secara statistik ($t(113) = 2.63$, $p < .05$). Dapatan kajian ini berjaya menolak Hipotesis null, dan menerima Hipotesis alternatif. Ini menunjukkan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu berbeza antara kaum Melayu dengan kaum Cina. Min (2.41) konsep sendiri akademik Bahasa Melayu kaum Melayu adalah lebih tinggi daripada min (2.30) konsep sendiri akademik Bahasa

Melayu kaum Cina. Kesimpulannya, konsep sendiri akademik Bahasa Melayu kaum Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu kaum Cina.

4.4.5 Hubungan Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu

Selain daripada mencari perbezaan antara Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu dan Konsep Kendiri Akademik Matematik, dengan jantina pelajar dan kaum, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan yang signifikan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu dengan Konsep Kendiri Akademik Matematik. Analisis korelasi digunakan bagi membuat analisis data.

Jadual 4.7

Analisis Korelasi Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu

	Matematik	Bahasa Melayu
Matematik		-.025
Bahasa Melayu	-.025	

Konsep sendiri akademik Matematik mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan secara statistik, $r=-.03, p>.05$ dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Semakin tinggi konsep sendiri akademik Matematik, semakin rendah konsep

kendiri akademik Bahasa Melayu dan semakin rendah konsep sendiri akademik Matematik, maka semakin tinggi konsep sendiri akademik Bahasa Melayu.

4.5 Rumusan

Bab ini membincangkan mengenai analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan. Hasil daripada analisis deskriptif telah menunjukkan bahawa jumlah responden ialah seramai 115 orang. Seramai 54 orang atau 46.96% adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan 61 orang responden atau 53.04% adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Selain itu, bilangan pelajar Melayu adalah seramai 89 orang atau 77.39% manakala jumlah pelajar Cina adalah seramai 26 orang atau 22.6%. Analisis inferensi pula menggunakan ujian-t bagi mendapatkan perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Ujian-t sampel bebas juga digunakan bagi mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina. Ujian korelasi digunakan bagi mengenal pasti hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar.sekolah menengah.

BAB V

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai ringkasan kajian, dapatan kajian, perbincangan daripada dapatan kajian dan implikasi dapatan kajian. Akhir sekali, dimuatkan juga cadangan kajian masa hadapan yang boleh dilakukan bagi memantapkan lagi hasil kajian.

5.2 Ringkasan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina. Tujuan lain kajian ini dijalankan juga adalah untuk mengenal pasti hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah.

Penyelidik telah membuat hipotesis bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Selain itu, hipotesis juga menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina.

Penyelidik telah menggunakan alat ukur Self- Description Questionnaire -II (SDQ-II) yang dibina oleh Marsh (1992) berdasarkan model hierarki Shavelson (1976). Sebanyak 20 item telah diubahsuai berdasarkan SDQ-II yang asal yang merangkumi dua faktor iaitu konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Seramai 150 orang pelajar tingkatan 4 telah terlibat dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, hanya 115 orang pelajar sahaja yang telah mengembalikan borang soal-selidik. Pelajar tersebut terdiri daripada 54 orang pelajar lelaki dan 61 orang pelajar perempuan. Soal-selidik telah diagihkan secara sama rata di 5 buah daripada 20 buah sekolah menengah harian biasa di daerah Besut, Terengganu. Data yang dipungut dianalisis dengan menggunakan perisian komputer '*Statistical Package For Social Science*' (SPSS) versi 12 untuk melihat indeks kebolehpercayaan instrumen. Ujian sampel-t bebas telah digunakan bagi membandingkan perbezaan dua nilai min bagi pembolehubah manakala ujian korelasi digunakan bagi mencari hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah.

5.2.1 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan

Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu lebih tinggi berbanding dengan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar lelaki.

5.2.2 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Pelajar Kaum Melayu Dengan Pelajar Kaum Cina.

Dapatan kajian juga telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan konsep kendiri akademik Matematik bagi pelajar kaum Melayu dan konsep kendiri akademik Matematik pelajar kaum Cina. Namun begitu, pelajar kaum Melayu mempunyai konsep kendiri akademik Bahasa Melayu lebih tinggi berbanding dengan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu pelajar kaum Cina.

5.2.3 Hubungan Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.

Kajian mendapati konsep kendiri akademik Matematik mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan secara statistik, dengan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu.

5.3 Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan ini menghuraikan hasil dapatan daripada keputusan kajian yang dinyatakan di dalam Bab IV. Terdapat tiga objektif kajian dijalankan iaitu untuk mengenal pasti perbezaan konsep kendiri akademik Matematik dan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Objektif kedua pula adalah untuk mengenal pasti perbezaan konsep kendiri akademik Matematik dan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina dan objektif terakhir adalah untuk

mengenal pasti hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Berdasarkan objektif yang dinyatakan, maka terhasillah tiga soalan kajian iaitu adakah terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan perempuan, diikuti dengan adakah terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina. Soalan kajian ketiga pula adakah terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah.

Penyelidik telah membina 4 hipotesis kajian iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Hipotesis kedua pula ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan diikuti dengan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Matematik antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina dan hipotesis terakhir adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina.

5.3.1 Ciri-ciri Demografik Responden

Semua pelajar yang dipilih merupakan remaja yang berumur 16 tahun iaitu pelajar tingkatan 4. Pelajar ini terdiri daripada 54 orang (46.96%) pelajar lelaki dan 61 orang (53.04%) pelajar perempuan. Keadaan ini menunjukkan bahawa bilangan responden pelajar perempuan melebihi bilangan responden pelajar lelaki sebanyak 7 orang

(6.08%). Ini menunjukkan hanya terdapat perbezaan yang kecil antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Bilangan pelajar Melayu adalah seramai 89 orang (77.39%) manakala jumlah pelajar Cina adalah seramai 26 orang (22.6%). Perbezaan jumlah bilangan pelajar Melayu dengan pelajar Cina adalah seramai 63 orang (54.79%). Pelajar lelaki kaum Melayu adalah seramai 41 orang (35.65%) dan selebihnya adalah daripada kaum Cina. Pelajar perempuan pula terdiri daripada 48 orang (41.74%) Melayu dan 13 orang (11.3%) Cina. Jumlah bilangan pelajar Melayu melebihi sebanyak 63 orang (77.39%) daripada bilangan pelajar Cina. Ini disebabkan oleh majoriti penduduk di daerah Besut terdiri daripada kaum Melayu manakala kaum-kaum lain merupakan penduduk minoriti.

5.3.2 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan

Berdasarkan ujian-t sampel bebas di dalam Bab IV, ujian Levene bagi konsep kendiri akademik Matematik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan didapati signifikan. Keputusan ujian ini tidak memenuhi andaian kehomogenan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam konsep kendiri akademik Matematik. Dapatan Ujian-t menunjukkan adalah signifikan secara statistik ($t(113) = -3.00, p < .05$). Dapatan kajian ini berjaya menolak Hipotesis null, dan menerima Hipotesis alternatif. Ini menunjukkan bahawa konsep kendiri akademik Matematik berbeza antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Min (2.99) konsep kendiri akademik Matematik pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada min (2.65) konsep kendiri akademik Matematik pelajar lelaki. Kesimpulannya, konsep kendiri akademik Matematik pelajar

perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan konsep sendiri akademik Matematik pelajar lelaki.

5.3.3 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan

Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas, Ujian Levene didapati signifikan. Keputusan ujian ini adalah tidak memenuhi andaian kehomogenan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Dapatan Ujian-t menunjukkan adalah signifikan secara statistik ($t(113) = -2.50, p < .05$). Dapatan kajian ini berjaya menolak Hipotesis null, dan menerima Hipotesis alternatif. Ini menunjukkan bahawa konsep sendiri akademik Bahasa Melayu berbeza antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Min (2.43) konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada min (2.34) konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar lelaki. Kesimpulannya, konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar lelaki. Keputusan ini telah menolak hasil dapatan yang diperolehi Watt (2004), yang menyatakan bahawa pelajar lelaki lebih berminat belajar Matematik manakala pelajar perempuan pula lebih meminati Bahasa.

Berdasarkan kedua-dua konsep sendiri akademik iaitu konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu, didapati pelajar perempuan telah menunjukkan prestasi pencapaian yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Keputusan ini dibuktikan melalui min konsep sendiri akademik Matematik iaitu 2.99 dan min konsep sendiri akademik Bahasa Melayu 2.43 yang mengatasi min

pelajar lelaki. Keputusan ini selaras dengan kajian yang mendapati pencapaian akademik pelajar mempunyai hubungkait dengan pelajar perempuan, tetapi tidak dengan pelajar lelaki (Colangelo, Kelly & Schrepfer, 1987). Hasil kajian lain juga mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai sikap yang lebih positif dan memberi perhatian yang lebih serius kepada kerja-kerja sekolah berbanding pelajar lelaki (Dwyer 1974; Fennema 1987; Halpern 1992). Menurut McKenna (1997), menyatakan bahawa golongan perempuan mempunyai minat membaca yang lebih baik berbanding pelajar lelaki. Keputusan ini walau bagaimanapun telah menolak kajian Swiatek (2005) terhadap 2,283 orang pelajar tahun enam apabila beliau mendapati tiada perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam konsep sendiri akademik.

5.3.4 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik Antara Pelajar Kaum Melayu Dengan Pelajar Kaum Cina

Berdasarkan Ujian $-t$ Sampel Bebas, Ujian Levene didapati tidak signifikan. Keputusan ujian ini memenuhi andaian kehomogenan varians antara konsep sendiri akademik Matematik kaum Melayu dan konsep sendiri akademik Matematik kaum Cina. Dapatan ujian $-t$ adalah tidak signifikan. Dapatan ujian menerima Hipotesis nul (H_0). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan konsep sendiri akademik Matematik kaum Melayu dan konsep sendiri akademik Matematik kaum Cina

5.3.5 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Antara Pelajar Kaum Melayu Dengan Pelajar Kaum Cina

Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas, Ujian Levene didapati signifikan. Keputusan ujian ini adalah tidak memenuhi andaian kehomogenan antara konsep kendiri akademik Bahasa Melayu kaum Melayu dan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu kaum Cina. Dapatan Ujian-t menunjukkan adalah signifikan secara statistik ($t(113) = 2.63$, $p < .05$). Dapatan kajian ini berjaya menolak Hipotesis null, dan menerima Hipotesis alternatif. Ini menunjukkan bahawa konsep kendiri akademik Bahasa Melayu berbeza antara kaum Melayu dengan kaum Cina. Min (2.41) konsep kendiri akademik Bahasa Melayu kaum Melayu adalah lebih tinggi daripada min (2.30) konsep kendiri akademik Bahasa Melayu kaum Cina. Kesimpulannya, konsep kendiri akademik Bahasa Melayu kaum Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu kaum Cina.

5.3.6 Hubungan Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.

Hasil kajian telah menunjukkan konsep kendiri akademik Matematik mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan secara statistik, $r = -.03$, $p > .05$ dengan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu. Semakin tinggi konsep kendiri akademik Matematik, semakin rendah konsep kendiri akademik Bahasa Melayu dan sebaliknya. Keputusan ini membenarkan kajian Marsh (1986) dan menolak kajian Skaalvik (1994). Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian Matematik dan Verbal. Pelajar yang mempunyai pencapaian Matematik yang tinggi tidak semestinya mendapat markah yang tinggi juga dalam Verbal (Marsh, 1986).

5.4 Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan memberi implikasi secara langsung ke atas konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Daripada perbincangan dapatan kajian, beberapa implikasi dapat disintesis dan diimplimentasikan secara terancang dan teratur.

5.4.1 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri

Akademik Bahasa Melayu Antara Jantina

Merujuk kepada objektif kajian, maka terjawablah persoalan bahawa konsep sendiri akademik Matematik dan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan adalah berbeza. Pelajar perempuan lebih menguasai konsep sendiri akademik bagi kedua-dua mata pelajaran ini berbanding dengan pelajar lelaki. Tidak kira sama ada seseorang pelajar itu mempunyai konsep sendiri akademik tinggi ataupun rendah dalam Matematik atau Bahasa Melayu, pencapaian ini sudah semestinya memberi kesan terhadap banyak pihak. Di antaranya ialah kesan kepada guru. Apabila pelajar perempuan sahaja yang menunjukkan minat dan usaha untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, maka akan timbul masalah kesukaran bagi pihak guru untuk menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan. Masalah ini disebabkan oleh kebanyakan kelas bercampur antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Guru sukar mengawal tingkah laku pelajar lelaki yang tidak berminat untuk memberi perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung. Masalah ini akan mengganggu pelajar perempuan untuk fokus kepada pembelajaran.

Bagi pihak sekolah pula, akan timbul isu apabila ibu bapa pelajar lelaki dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mempersoalkan kredibiliti guru mengajar anak-anak mereka. Pihak sekolah juga terpaksa menjawab langkah-langkah mereka bagi menangani kemelut ini. Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menghadapi masalah apabila isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) apabila pelajar lepasan SPM dan STPM tidak seimbang dari segi pencapaian mengikut jantina. Kepincangan ini mengakibatkan kuota bilangan pelajar untuk memasuki institusi pengajian tinggi tidak mencapai sasaran. Masalah menjadi lebih rumit apabila lebih ramai pelajar perempuan menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Fenomena ini akan mewujudkan kesan jangka masa panjang kepada negara apabila kaum perempuan memonopoli jawatan-jawatan yang lebih tinggi berbanding dengan kaum lelaki.

5.4.2 Perbezaan Konsep Kendiri Akademik Matematik dan Konsep Kendiri

Akademik Bahasa Melayu Antara Kaum

Berdasarkan objektif kedua pula, didapati tidak terdapat perbezaan konsep kendiri akademik Matematik antara pelajar kaum Melayu dan pelajar kaum Cina. Persamaan ini seharusnya dikekalkan agar wujudnya persaingan yang sihat dan sikap bantu-membantu tanpa mengira kaum demi kejayaan negara Malaysia. Namun begitu, wujud perbezaan konsep kendiri akademik Bahasa Melayu antara pelajar kaum Melayu dengan pelajar kaum Cina. Perbezaan ini disebabkan oleh pelajar Cina di daerah ini menggunakan dialek daerah dalam percakapan harian bersama rakan atau guru. Tabiat ini menyukarkan mereka untuk mendalami dan memahirkan diri dalam penulisan dan percakapan Bahasa Melayu yang standard. konsep kendiri akademik Bahasa Melayu

yang berbeza ini, guru-guru perlu memberi perhatian lebih kepada pelajar-pelajar ini. Kajian juga mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan bagi sikap dalam dimensi tingkahlaku bagi bangsa dan jurusan (NurAshiqin Najmuddin, 2004). Keputusan pencapaian dalam peperiksaan juga akan mempengaruhi markah keseluruhan pelajar dan sekolah. Tambahan pula, mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib dan dikira dalam semua peperiksaan. Nilai konsep sendiri akademik Bahasa Melayu yang rendah akan mempengaruhi motivasi pelajar untuk berjaya. Saedah, Zainun dan Tunku Mohani (1996: 13) mengungkap kata-kata Kubinieci, 1970, "Orang yang mempunyai konsep sendiri yang kuat lebih berkemungkinan mencapai kejayaan akademik. Keinginan ini juga mendorong pelajar untuk belajar dan mencari pengetahuan dengan membaca buku, menelaah, menjalani proses pembelajaran atau mencuba perkara yang belum dialaminya.

5.4.3 Hubungan Yang Signifikan Antara Konsep Kendiri Akademik Matematik Dengan Konsep Kendiri Akademik Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Konsep sendiri akademik Matematik mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan secara statistik dengan konsep sendiri akademik Bahasa Melayu. Semakin tinggi konsep sendiri akademik Matematik seseorang pelajar, semakin rendah konsep sendiri akademik Bahasa Melayu pelajar berkenaan dan sebaliknya. Kesan daripada perbezaan konsep sendiri akademik ini kepada guru ialah timbulnya kesukaran untuk menyelaraskan satu standard pencapaian di kalangan pelajar apabila tahap pencapaian akademik mereka berbeza mengikut kategori mata pelajaran. Contohnya seseorang pelajar sukar dikategorikan sebagai pelajar cemerlang atau tidak apabila beliau hanya

memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Matematik, tetapi keputusan yang teruk dalam Bahasa Melayu.

Selain itu, pihak sekolah menghadapi masalah untuk meyakinkan persepsi para pelajar apabila mereka sendiri mempunyai sikap yang menganaktirikan sesetengah mata pelajaran tertentu. Pelajar hanya belajar mata pelajaran yang diminati sahaja dan mengabaikan mata pelajaran yang susah. Sebagai langkah mengatasi masalah ini, guru-guru perlu mewujudkan suasana kelas yang kondusif bagi membina konsep sendiri yang positif di kalangan pelajar.

5.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Memandangkan kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan empat sahaja, maka penyelidik berharap akan terdapat kajian yang akan dijalankan terhadap pelajar tingkatan lain agar keputusan yang diperolehi lebih menyeluruh. Selain itu, kajian ini juga boleh dipanjangkan dengan perbezaan antara konsep sendiri akademik dengan pencapaian akademik mata pelajaran tertentu supaya pembaca dapat menilai kesannya sama ada positif atau negatif. Kajian juga boleh dilaksanakan semula dengan membuat beberapa penambahbaikan dan perubahan seperti mengkaji dari faktor status sosio-ekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa, menggunakan alat ukur lain seperti *Tennessee Self-Concept Scale (TSCS)*

5.6 Rumusan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati konsep sendiri akademik pelajar memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik. Pelajar yang mempunyai konsep akademik yang tinggi dapat memotivasikan diri mereka untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diambil. Walaupun kajian menunjukkan pelajar perempuan pada masa kini lebih cenderung mempunyai konsep sendiri akademik bagi Matematik dan Bahasa Melayu berbanding dengan pelajar lelaki, namun keputusan ini sebenarnya tidaklah begitu membimbangkan. Ini kerana, pelajar lelaki juga sebenarnya mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap diri mereka. Apa yang menjadi penghalang pada kejayaan ialah pelajar lelaki kurang fokus semasa belajar dan sikap mereka yang lebih terpengaruh dengan rakan-rakan dan gejala sosial yang lain. Oleh itu, tidak hairanlah pelajar perempuan kini semakin memonopoli pusat-pusat pengajian tinggi dan mendapat pekerjaan yang hebat. Ini kerana konsep sendiri akademik yang tinggi dapat mempengaruhi pencapaian yang tinggi pelajar (Marsh, Hau, & Kong, 2002). Sebagai langkah penyelesaian masalah, ibubapa, guru-guru, pihak sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga masyarakat perlu bersama-sama memastikan tahap pendidikan pelajar-pelajar kini seimbang. Sikap dan tingkah laku pelajar perlu dibentuk dan diawasi agar mereka dapat berkembang menjadi manusia yang berguna kelak.

RUJUKAN

- Barber, B. K., & Olsen, J. A. (2004). Assessing the transitions to middle school and high school. *Journal of Adolescent Research*, 19, 3-30.
- Baron, Robert A, & Byrne, Donn (2000) *Social psychology-ninth edition*. Boston.
- Baumeister, R. F., Campbell, J. D., Krueger, J. I., & Vohs, K. D. (2003). Does high self-esteem cause better performance interpersonal success, happiness, or healthier lifestyles? *Psychological Science in the Public Interest*, 4, 1-44.
- Bugental, J. F. T., & Zelen, S. L. (1950). Investigations into the "self-concept." I. The W-A-Y technique. *Journal of Personality*, 18, 483-498.
- Burns, R. B. 1979. *The self-concept in theory, measurement, development and behaviour*. London: Longman.
- Byrne, B. M. (1986). Self – concept / academic achievement relations: An investigation of dimensionality, stability and causality. *Canadian Journal of Behavioral Science*, 18, Pp.173 – 186.
- Chua, Y. P. 2006. *Kaedah dan statistik Penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. Buku 2. Malaysia: McGraw-Hill.
- Connell, R. W. (2001). Gender and the State. In K. Nash & A. Scott (Eds.), *The Blackwell Companion to Political Sociology* (pp. 117-126). Oxford: Blackwell.
- Cooley, Charles H. *Human Nature and the Social Order*. New York: Scribner's, 1902.
- Crow and Crow. (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dai, D. Y., (2001). *A comparison of gender differences in academic self-concept and motivation between high-ability and average Chinese adolescents*. US: Prufrock Press.
- Eccles, J.S. (2005). Studying the development of learning and task motivation. *Learning and Evaluation in Psychology and Education 5th ed*. New York . Macmillan Publishing co.
- Festinger, Leon. (1954). A theory of social comparison processes. *Human Relations* 7(2): 117-140.
- Freud, S. (1900). The interpretation of dreams. In *the complete psychological works of Sigmund Freud*. London: The Hogarth Press, 1962.
- Gordon, C. (1968). Self-conceptions: configurations of content. In C. Gordon and K.J. Gergen (Eds.), *The Self in Social Interaction*. New York: Wiley.

- Harter, S. (1999). *The Construction of the Self: A Developmental Perspective*. New York: Guilford Press.
- Hill, S. G. (1998). The Relationship Between Self-concept and Successful Aging Among Low-Income Older Adults. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82: 419-433.
- Hyde, J., & Mertz, J. (2009). Gender, culture, and mathematics performance. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 106, 8, 801-8, 807.
- Lawrence Hazelrigg, "Individualism," *Encyclopedia of Sociology*, 2nd ed.; vol. 2, pp. 1301-1308. New York: Macmillan, 2000.
- Liu, W. C., & Wang, J. C. K. (2005). Academic self-concept: A cross-sectional study of age and gender differences in a Singapore secondary school. *Asia Pacific Education Review*, 6(1), 20-27.
- Markus, H., & Nurius, P. (1986). Possible selves. *American Psychologist*, 41, 954-969.
- Marsh, H. W. (1990). Self-description questionnaire – II. *The Psychological Corporation*.
- Marsh, H. W. & Shavelson, R. (1985). Self concept: Its multifaceted, hierarchical structure. *Educational Psychologist*, 20, 107-125.
- Marsh, H. W. (1988). Age and gender effects in physical self-concepts for adolescent elite athletes and nonathletes: a multicohort-multioccasion design. *Journal Of Sport & Exercise Psychology (JSEP)*, 20, (3), 237- 259.
- Marsh, H. W., & Yeung, A. S. (1997). Casual effects of academic self concept on academic achievement: structural equation model of longitudinal data, *Journal of Educational Psychology*, 89, Pp. 41 – 54.
- Marsh, H. W., Byrne, B. M., & Shavelson, R. (1988). A multifaceted academic self-concept: Its hierarchical structure and its relation to academic achievement. *Journal of Educational Psychology*, 80, 336-380.
- Marsh, H. W., Byrne, B. M., & Yeung, A. S. (1999). Causal ordering of academic self-concept and achievement: Reanalysis of a pioneering study and revised recommendations. *Educational Psychologist*, 34, 154-157.
- Marsh, H. W., Kong, C. K., & Hau, K. T. (2002). Multilevel Causal Ordering of Academic Self-concept and Achievement: Influence of Language of Instruction (English vs. Chinese) For Hong Kong Students. *American Educational Research Journal*, 39, 727-763.

- McCoach, D. B., & Siegle, D. (2002). The School Attitude Assessment Survey, Revised: A new instrument to identify academically able students who underachieve. *Educational and Psychological Measurement*, 63(3), 414-429.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: UTM
- Mujis, R. D. (1997). Predictors of Academic Achievement and Academic Self Concept: of dimensionality, stability and causality. *Canadian Journal of Behavioral*
- Osterman, K. (2000). Students' Need for Belonging in the School Community, *Review of Educational Research*, 70, 3, 323-367.
- Plucker, J., & Stocking, V. (2001). *Looking outside and inside: Self-concept development of gifted adolescents*. *Exceptional Children*, 67, 535-548.
- Rinn, A.N., McQueen, K.S., Clark, G.L., & Rumsey, J.L. (2008). Gender differences in gifted adolescents □ math/verbal self-concepts and math/verbal achievement: Implications for the STEM fields. *Journal for the Education of the Gifted*, 32(1), 34-53.
- Rogers, C. R. (1947). Some observations on the organization of personality. *American Psychologist*, 2, 358-368.
- Schunk, D. H. (2000). "Motivation for achievement: Past, present, and future". *Issues in Education: Contributions from Educational Psychology*, 6, 161-165.
- Science*, 18, Pp.173 – 186.
- Shapka, J. D., & Keating, D. P. (2005). Structure and change in self-concept during adolescence. *Canadian Journal of Behavioural Sciences*, 37, 83-96.
- Shavelson, R. J., Hubner, J. J., & Stanton, G. C. (1976). Validation of construct interpretations. *Review of Educational Research*, 46, 407-441.
- Shavelson, R.J., & Bolus, R. (1982). Self-concept: Interplay of theory and methods. *Journal of Educational Psychology*, 74(1), 3-17.
- Skaalvik, E. (1994). Attribution of perceived achievement in school in general and in math and verbal areas: Relations with academic self-concept and self-esteem. *British Journal of Educational Psychology*, 64, 133-143.
- Skaalvik, E. M., Skaalvik, S. (2006). Self-concept and self-efficacy in Mathematics: Relation with Mathematics motivation and achievement. *Proceedings of the International Conference on Learning Sciences*, Bloomington, Indiana.
- Swiatek, M. A. (1995). An empirical investigation of the social coping strategies used by gifted adolescents. *Gifted Child Quarterly*, 39, 154-161.
- Thorndike, R.M., Cunningham, G.K & Hagen, E.P. (1991) "*Measurement and Evaluation in Psychology and Education*" 5th ed. New York . Macmillan Publishing co.

- Valentine, J. C., DuBois, D. L., & Cooper, H. (2004). The relations between self-beliefs and academic achievement: A systematic review. *Educational Psychologist*, 39, 111-133
- Wang, Chee Keng John & Liu, Woon Chia(2008). 'Teachers' motivation to teach national education in Singapore: a self-determination theory approach', *Asia Pacific Journal of Education*, 28:4,395 — 41.
- Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki & Jamil Ahmad. 2005. Prestasi akademik mengikut gender. *Jurnal Pendidikan*, 30: 93-111.